

16 NOV 1998

APEC-BERITA-GORE/I

GORE GEMPARKAN MAJLIS MAKAN MALAM APEC

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Naib Presiden A.S. Al Gore, yang diberi penghormatan berucap pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di sini, telah menggemparkan majlis tersebut apabila beliau menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan sokongannya terhadap pergerakan "Reformasi" anti kerajaan.

Menyentuh tentang isu tersebut menjelang akhir ucapannya, beliau menjejutkan hadirin yang terdiri daripada 1,000 pegawai tertinggi kerajaan dan pemimpin-pemimpin industri dari Lingkaran Pasifik apabila beliau memperkatakan tentang demokrasi dan pergerakan demokrasi di beberapa buah negara.

Malah, beliau secara tidak langsung mengatakan bahawa demokrasi berkembang dengan lebih baik di "negara-negara yang menyekat kebebasan."

Sambil berkata bahawa demokrasi memberikan tanda halal yang diperlukan oleh reformasi agar berkesan, beliau berkata tuntutan bagi demokrasi berterusan, khususnya di negara-negara yang menderita akibat krisis ekonomi.

"Kita dengar tentang mereka hari ini -- di sini dan sekarang -- di kalangan orang Malaysia yang berani," katanya dan ini telah memeranjatkan hadirin terutamanya hadirin dari Malaysia. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Kata Gore masa depan pasaran global yang bebas dan cergas amat bergantung kepada cabaran ketiga -- demokrasi dan pertumbuhan pemerintahan sendiri di seluruh dunia.

Beliau juga berkata mana-mana kerajaan yang menyekat maklumat akan menyekat potensi ekonomi dalam Era Maklumat.

Gore juga menyelar negara-negara yang mengenakan disiplin fiskal dan pengorbanan kewangan untuk mengatasi kegawatan ekonomi dan mencetuskan pertumbuhan, yang ditujukan kepada langkah-langkah kawalan pertukaran Malaysia.

Bagaimanapun, Gore tidak menyebut tentang demokrasi di negaranya sendiri yang disifatkan oleh kumpulan hak asasi manusia Amnesty International sebagai sebuah negara yang menyaksikan paling banyak pencabulan hak asasi manusia di dunia.

Seorang ahli perniagaan Malaysia yang naik berang dengan kenyataan itu, menyifatkan kenyataan Gore dan pendirian Amerika sebagai "campurtangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia."

"Ini adalah pencabulan ke atas kedaulatan negara kita," katanya.

Kata beliau, Gore tidak sedar ketika beliau menyatakan demikian, terdapat lebih 1.7 juta banduan dalam penjara di A.S. dan lebih 60 peratus daripada mereka adalah kaum minoriti pribumi.

Seorang ahli perniagaan Russia yang berada di majlis tersebut merasakan bahawa kenyataan Gore itu pastinya akan mengundang jawapan daripada Dr Mahathir esok.

Katanya, membuat kenyataan sedemikian adalah tidak sopan kerana "kami datang sebagai tetamu".

Gore tidak bercakap tentang peluang-peluang bersama di kalangan ekonomi Apec, sebaliknya mengambil peluang untuk menghentam tuan rumah, katanya.

"Dia baru sahaja berada di sini beberapa jam, tetapi dia bercakap seolah-olah banyak yang dia tahu," tambah beliau.

Ahli perniagaan itu berkata sekurang-kurangnya Gore mengambil sedikit

masa untuk mengetahui apa sebenarnya berlaku. Gore yang menggantikan Clinton bagi mesyuarat pemimpin Apec di sini esok, juga mengecewakan hadirin apabila beliau tidak menunggu jamuan selepas menyampaikan ucapannya.

--BERNAMA

ES KY OS